

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**GARIS PANDUAN PELANTIKAN JAWATAN PENSYARAH UNIVERSITI
KE GRED DS14 DAN VK7 BAGI PENSYARAH ANTARABANGSA**

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan memaklumkan mengenai peraturan dan kaedah pelantikan jawatan Pensyarah Universiti Gred DS14 dan VK7 bagi staf antarabangsa di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Lantikan pensyarah antarabangsa dibuat mengikut peraturan berikut:
 - 2.1.1 Pekelingiling Perkhidmatan Sumber Manusia, Kaedah Pelantikan Pegawai Dalam Perkhidmatan Awam Dan Urusan-Urusan Lain Berkaitan Pelantikan, Versi 1.0 (2022);
 - 2.1.2 Ceraian UP.1.1.1 Dasar Dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (Contract Of Service); dan
 - 2.1.3 Ceraian UP.1.1.4 Penurunan Kuasa Menimbang Pelantikan Secara Kontrak Oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam.
- 2.2 Penetapan gred lantikan pensyarah bukan warganegara tertakluk kepada kelayakan pengajian dan pengalaman iaitu seperti berikut:

Gred	Kelulusan Akademik	Kriteria Penetapan Gred
DS14	Sarjana atau Ph.D	<p>(a) memiliki kelayakan akademik minimum berdasarkan skim perkhidmatan; dan</p> <p>(b) mempunyai pengalaman relevan selepas memenuhi syarat (a) di atas sekurang-kurangnya 11 tahun.</p>

Gred	Kelulusan Akademik	Kriteria Penetapan Gred
VK7	Sarjana atau Ph.D	(a) memiliki kelayakan akademik minimum berdasarkan skim perkhidmatan; dan (b) mempunyai pengalaman relevan selepas memenuhi syarat (a) di atas sekurang-kurangnya 15 tahun.

- 2.3 UPSI mengambil inisiatif supaya kriteria pelantikan ke jawatan Pensyarah Universiti Gred DS14 dan VK7 diselaraskan di antara staf warganegara atau bukan warganagera.
- 2.5 Cadangan pelaksanaan dan penetapan kriteria pelantikan jawatan Pensyarah Universiti Gred DS14 (Profesor Madya) dan Gred Khas C (VK7) bagi pensyarah antarabangsa di UPSI telah dibentang dan diluluskan dalam mesyuarat berikut:
- i. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 3/2025 pada 17 Februari 2025; dan
 - ii. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-153, Bil. 1/2025 bertarikh 20 Februari 2025.

3.0 OBJEKTIF PELAKSANAAN

- i. Penyeragaman kriteria pelantikan di antara staf warganegara dan bukan warganegara ke jawatan Pensyarah Universiti Gred DS14 (Profesor Madya) dan Gred Khas C (VK7).
- ii. Membantu mengenalpasti kepakaran pensyarah antarabangsa yang dilantik.
- iii. Membantu meningkatkan ranking Universiti; dan
- iv. Membantu mencapai KPI Universiti.

4.0 MAKLUMAT PELAKSANAAN

4.1 Pemilihan trek:

4.1.1 Pemilihan trek lantikan ke gred DS14 dan VK7 boleh dibuat sekurang-kurangnya **satu (1) tahun** selepas pensyarah dilantik menggunakan borang **SM1-P-Pilih/tukarTREK/2025**. Pemilihan trek kali pertama perlu mendapat kelulusan dekan fakulti dan pertukaran trek perlu mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesepakaran Untuk Pelantikan Dan Pelanjutan Kontrak Kakitangan Akademik peringkat Universiti.

4.2 Syarat pelantikan:

4.2.1 Syarat pelantikan ke jawatan **Pensyarah Universiti Gred DS14** adalah seperti berikut:

- a. mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya **11 tahun**; atau pengalaman antara 9 hingga 10 tahun bagi calon dalam bidang kritikal;
- b. Memenuhi kriteria **trek pengajaran / penyelidikan / umum** seperti di **Lampiran A**;
- c. Diperakukan Mesyuarat Jawatankuasa Kesepakaran Untuk Pelantikan dan Pelanjutan Kontrak Universiti;
- d. Diperakukan oleh sekurang-kurangnya 2 penilai luar dari 3 penilai luar yang dilantik oleh UPSI (2 penilai dalam negara dan 1 penilai luar negara);
- e. Diperakukan / diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) untuk temu duga;
- f. Diperakukan oleh Jawatankuasa Penilai dan Pihak Berkuasa Melantik; dan
- g. Mendapat pas penggajian dari Jabatan Imigresen Malaysia.

4.2.2 Syarat pelantikan ke jawatan **Pensyarah Universiti Gred Khas C (VK7)** adalah seperti berikut:

- a. mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya **15 tahun**; atau pengalaman antara 12 hingga 14 tahun bagi calon dalam bidang kritikal;

- b. Memenuhi kriteria **trek pengajaran / penyelidikan / umum** seperti di **Lampiran B**;
 - c. Diperakukan Mesyuarat Jawatankuasa Kesepakaran Untuk Pelantikan dan Pelanjutan Kontrak Universiti;
 - d. Diperakukan oleh sekurang-kurangnya 2 penilai luar dari 3 penilai luar yang dilantik oleh UPSI (2 penilai dalam negara dan 1 penilai luar negara);
 - e. Diperakukan / diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) untuk temu duga;
 - f. Diperakukan oleh Jawatankuasa Penilai dan Pihak Berkuasa Melantik; dan
 - g. Mendapat pas penggajian dari Jabatan Imigresen Malaysia.
- 4.3 Kriteria pelantikan dan borang-borang berkaitan:
- 4.3.1 Kriteria pelantikan ke jawatan Pensyarah Universiti Gred DS14 – Lampiran A
 - 4.3.2 Kriteria pelantikan ke jawatan Pensyarah Universiti Gred VK7 - Lampiran B
 - 4.3.3 Borang pemilihan trek - SM1-P-Pilih/tukarTREK/2025

5.0 TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Garis panduan ini berkuatkuasa mulai **1 Mei 2025**.